



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANIZATION ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)

JABATAN HUTAN SARAWAK 2021 - 2025

Diterbitkan oleh:

Jabatan Hutan Sarawak

Tingkat 11-15, Bangunan Baitul Makmur II, Medan Raya,
93050 Petra Jaya, Kuching,
Sarawak.

No. Tel: (6) 082-495111

No. Faks: (6) 082-495200

Emel: webmaster@forestry.gov.my

Laman Web: www.forestry.sarawak.gov.my

Hakcipta Terpelihara

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeskplotasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.

ISBN : 978-967-19053-1-9

Penafian

Maklumat yang terkandung dalam pelan ini adalah khusus untuk kegunaan Jabatan Hutan Sarawak (JHS) dan tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis. JHS tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kesilapan akibat penggunaan maklumat yang terkandung di dalamnya.

AMANAT

PENGARAH HUTAN SARAWAK

Pertama sekali kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Jabatan Hutan Sarawak telah berjaya membangunkan Pelan AntiRasuah Organisasi bagi tempoh 2021-2025 (OACP-JHS 2021-2025).

Dokumen ini dibangunkan sebagai panduan kepada semua warga jabatan dalam usaha pemantapan governan, integriti dan antirasuah dalam jabatan. Kerajaan Negeri telah mewajibkan semua agensi untuk membangunkan OACP masing-masing selaras dengan Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bilangan 1 Tahun 2020 dan inisiatif 2.1.5 Pelan AntiRasuah Nasional (NACP).

Inisiatif yang dirangka dalam OACP-JHS 2021-2025 ini adalah berlandaskan fungsi-fungsi utama jabatan untuk mencapai visi dan misi serta memartabatkan integriti di kalangan warganya. Oleh itu, warga kerja jabatan perlu memahami dan menghayati inisiatif ini agar tugas dan tanggungjawab dapat dilaksanakan selari dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Sesungguhnya matlamat ini tidak akan tercapai tanpa sokongan padu daripada semua pihak. Justeru itu, saya ingin mengajak semua warga JHS untuk memberi perkhidmatan dengan penuh keikhlasan dan bertanggungjawab untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Sekian. Wasallam.

DATU HAMDEN BIN HAJI MOHAMMAD



PERNYATAAN

KETUA UNIT INTEGRITI JABATAN HUTAN SARAWAK

Integriti ialah tulus, ikhlas dan ikut aturan untuk kesejahteraan diri keluarga dan masyarakat sekeliling serta untuk kecemerlangan organisasi.

ABDUL WAHAB BIN HAJI AHMAD



PERNYATAAN

KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

“INTEGRITI...

melakukan perkara yang betul,
walaupun tiada siapa melihat”



JACK ANAK LIAM
TIMBALAN PENGARAH HUTAN
(KONSERVASI HUTAN DAN PEMBANGUNAN)

“HILANG...

harta, boleh diganti.
wang, boleh dicari.

INTEGRITI...
maka HILANGLAH nilai diri.”



ABG AHMAD ABG MORNI
TIMBALAN PENGARAH HUTAN
(PENGURUSAN HUTAN)

PERNYATAAN KOMITMEN BEBAS RASUAH WARGA JABATAN HUTAN SARAWAK

Pelan AntiRasuah Organisasi Jabatan Hutan Sarawak 2021-2025(OACP-JHS 2021-2025) merupakan dasar anti rasuah yang mencerminkan komitmen pihak pengurusan atasan bersama semua warga Jabatan Hutan Sarawak untuk menutup segala ruang dan peluang berlakunya rasuah dalam Jabatan. Ianya dirangka khas menjurus kepada fungsi-fungsi utama jabatan yang mempunyai bidang berisiko dengan menekankan kepada inisiatif 'good governance', integriti dan antirasuah. Ianya bertujuan agar visi, misi dan matlamat Jabatan Hutan Sarawak ke arah pengurusan hutan yang mampan dari segi ekonomi, sosial dan kelestarian alam sekitar dapat direalisasikan dan untuk kelangsungan generasi yang akan datang.



DASAR INTEGRITI



**MENINGKATKAN
KECEKAPAN
PENGURUSAN
HUTAN BEBAS
RASUAH**



**MEMASTIKAN HASIL
DARI SUMBER
HUTAN DIKUTIP
BERLANDASKAN
ARAHAN
PERBENDAHARAAN
DAN PEKELILING YANG
BERKUATKUASA**



**MEMPERKUKUHKAN
TADBIR URUS
ORGANISASI
BERTERASKAN
INTEGRITI**



**MEMASTIKAN
BUDAYA INTEGRITI
SETIAP
WARGA JABATAN
DIPERTINGKATKAN**

SINGKATAN

CCD	Constitution & Conservation Division
CDC	Collection & Distribution Center
CMU	Corporate & Media Unit
FOSCC	Forest One Stop Compliance Centre
FR	Forest Reserve
GIACC	Pusat Governans, Integriti dan AntiRasuah Nasional
HRDT	Human Resource Development & Training
IAD	International Affairs Division
IIM	Institut Integriti Malaysia
JAR	Jawatankuasa Anti-Rasuah
JHS	Jabatan Hutan Sarawak
JKM	Jabatan Ketua Menteri
JKPOP	Jawatankuasa Pelaksanaan Operasi dan Pengurusan
JKTO	Jawatankuasa Tertinggi Organisasi
LID	Licensing Division
MSD	Management Services Division
OACP	Organizational Anti-Corruption Plan
ODPD	Organization Development & Project Development Division
PANS	Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak
PEC	Permit to Enter Coupe
PED	Preventive & Enforcement Division
PFE	Permanent Forest Estate
PHW	Pegawai Hutan Wilayah
PLBI	Pre/Post Logging Block Inspection

PM	Property Mark
PMD	Planning & Management Division
PoRM	Place of Royal Marking
Pre-F	Pre-Felling Block Inspection
RDID	Research Development & Innovation Division
RDMD	Revenue & Data Management Division
RIFD	Restoration & Industrial Forest Division
RP	Removal Pass
SFD	Social Forestry Division
SOP	Standard Operation Procedure
SP	Strategic Planning
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
TI	Treasury Instruction
TPZ	Timber Production Zone
UNION	Unit Integriti dan Ombudsman Negeri



Pelan ini dihasilkan selaras dengan Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bilangan 1 Tahun 2020 di samping memenuhi kehendak inisiatif 2.1.5 Pelan AntiRasuah Nasional (NACP) di bawah Strategi 2: Memperkukuh Kecekapan Perkhidmatan iaitu

“...mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan AntiRasuah Organisasi (OACP)”.

Pelan ini juga bertujuan untuk menyokong dan mencapai aspirasi Negeri Sarawak sebagai pemacu budaya kerja berintegriti dan Malaysia dikenali kerana amalan integriti dan bukannya rasuah. Dokumen ini penting sebagai garis panduan untuk menambahbaik aspek governans, integriti dan antirasuah di Jabatan Hutan Sarawak.

BAB.1 merangkumi latar belakang, fungsi utama dan matlamat Jabatan Hutan Sarawak. Seterusnya, ianya juga menyenaraikan visi dan misi Jabatan Hutan Sarawak serta dasar perhutanan di Sarawak. Ia juga memaparkan statistik maklumat kes salah laku sepanjang lima (5) tahun (2015-2019). Bab 1 juga menyenaraikan beberapa faktor yang menyumbang kepada risiko rasuah, di mana ianya dijadikan sebagai panduan dalam mengenalpasti inisiatif penyelesaian yang praktikal bagi memastikan isu rasuah ditangani secara menyeluruh.

Sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk mengurus aspek perhutanan di Negeri Sarawak, Jabatan Hutan Sarawak mempunyai komitmen penuh untuk memberikan perkhidmatan terbaik dengan merangka pelbagai inisiatif untuk menangkis ruang dan peluang gejala rasuah. Justeru itu, penyediaan OACP ini merupakan salah satu usaha berterusan untuk memastikan Jabatan bebas rasuah.

BAB.2 Menunjukkan kerangka pelan di mana ianya menggariskan empat (4) bidang keutamaan berisiko yang telah dikenalpasti dan akan menjadi teras dalam usaha pembanterasan gejala rasuah. Empat bidang keutamaan tersebut adalah pengurusan hutan, penguatkuasaan ordinan dan peraturan

hutan, kewangan dan perolehan serta sumber manusia. Terdapat tujuh (7) strategi dan 24 objektif strategik telah dikenalpasti untuk menangani gejala rasuah. Manakala 57 inisiatif telah dirancang dan akan dilaksanakan bagi mencapai objektif-objektif tersebut.


BAB.3 memberi penerangan dan penekanan kepada prinsip-prinsip tadbir urus ke arah memperkasakan pentadbiran dan pengurusan Jabatan Hutan Sarawak. Berlandaskan tadbir urus yang baik, semua warga jabatan secara langsung dan tidak langsung bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas masing-masing berpandukan kepada prinsip akauntabiliti, berintegriti, telus dan berhemah dalam mengurus sumber hutan di Negeri Sarawak.

BAB.4 merupakan rumusan keseluruhan daripada pelan antirasuah yang akan diguna pakai di Jabatan Hutan Sarawak dan juga penghargaan kepada semua pegawai-pegawai yang terlibat dalam membangunkan OACP ini.

Pelan AntiRasuah akan menjadi rujukan dan panduan yang informatif untuk semua warga jabatan dalam melaksanakan perkhidmatan yang telus dan berintegriti.

KANDUNGAN

	Halaman
Amanat Datu Pengarah Hutan Sarawak	III
Pernyataan Ketua Integriti Jabatan Hutan Sarawak	IV
Pernyataan Komitmen Pengurusan Tertinggi	V
Pernyataan Komitmen Bebas Rasuah Warga Jabatan Hutan Sarawak	VI
Dasar Integriti Jabatan Hutan Sarawak	VII
Singkatan	VIII
Ringkasan Eksekutif	IX
Bab 1: Pengenalan	1
1.1 Latar belakang, Visi dan Misi Jabatan	2
1.2 Pernyataan Dasar Perhutanan Sarawak	3
1.3 Objektif Dasar Perhutanan Negeri Sarawak	4
1.4 Fungsi Utama Jabatan Hutan Sarawak	5
1.5 Carta Organisasi Jabatan Hutan Sarawak	6
1.6 Analisa Ke Atas Data Salah Laku Dalam Jabatan Hutan Sarawak Dari Tahun 2015-2019	7
1.7 Faktor-faktor Yang Menyumbang Kepada Risiko Rasuah	8
1.8 Bidang Berisiko	9
Bab 2: Memperkasakan Usaha Pencegahan Rasuah Jabatan Hutan Sarawak	10
2.1 Keperluan Pelan AntiRasuah Dalam Konteks Kerangka Jabatan Hutan Sarawak	11
2.2 Garis Panduan Asas 5As	12
2.3 Kerangka Pelan Antirasuah Organisasi Jabatan Hutan Sarawak	13
2.4 Analisis Kuadran	14
2.5 Strategi dan inisiatif	16
2.6 Ringkasan Pelan Tindakan	25
2.7 Bidang Keutamaan	26
2.7.1 Pengurusan Hutan	27
2.7.2 Penguatkuasaan Ordinan dan Peraturan Hutan	33
2.7.3 Kewangan & Perolehan	37
2.7.4 Sumber Manusia	41
Bab 3: Tadbir Urus OACP	46
3.1 Pengenalan Tadbir Urus	47
3.2 Prinsip-prinsip Tadbir Urus	49
3.3 Mekanisma Pelaksanaan	52
3.4 Mekanisma Penyelarasan Pemantauan dan Penilaian	53
3.5 Mekanisma Penilaian	54
3.6 Struktur Aliran Pelaksanaan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai AntiRasuah (JKKMAR) dan Jawatankuasa AntiRasuah (JAR)	55
Bab 4: Kesimpulan	56
Penghargaan	
Jawatankuasa Pembangunan OACP Jabatan Hutan Sarawak	58
Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Jabatan Hutan Sarawak	59



Kapur (*Dryobalanops aromatica* C.F.Gaertn.)
Kredit gambar: Ling Chea Yiing (RDID)

BAB 1: PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG JABATAN HUTAN SARAWAK

Jabatan Hutan Sarawak (JHS) telah ditubuhkan pada tahun 1919 dan dikenali sebagai salah satu agensi tertua yang menerajui pengurusan hutan berkekalan di negeri ini.

Pada peringkat awal penubuhan, pengurusan hutan di negeri Sarawak adalah lebih menjurus kepada penggunaan hasil bukan kayu seperti penghasilan damar, rotan, getah jelutong dan kurang menekankan kepada aktiviti pembalakan. Sepanjang 102 tahun penubuhan JHS, banyak perubahan telah berlaku dari segi fungsi, keperluan sumber manusia dan teknologi yang digunakan.

Sarawak mempunyai keluasan hutan yang telah diwartakan sebanyak 3.9 juta hektar secara lestari dan 63% tanah negeri atau lebih kurang 7.8 juta hektar dilitupi oleh kawasan yang berhutan yang juga merupakan salah satu pemacu pertumbuhan ekonomi negeri.

Dasar perhutanan yang menekankan keseimbangan alam sekitar, ekonomi dan sosial telah menjadikan Sarawak sebuah negeri yang unggul dalam pengurusan hutan berkekalan di peringkat global.



1.2 PERNYATAAN DASAR PERHUTANAN SARAWAK

Dasar Hutan 2019 adalah pernyataan rasmi Kerajaan Negeri mengenai perhutanan dan isu-isu berkaitan untuk keperluan menguruskan hutan dan laut di Sarawak, yang terdiri daripada:

1. Penyediaan kawasan hutan dan ekosistem laut yang mencukupi untuk kepentingan generasi Sarawak sekarang dan akan datang untuk:
 - i. Memastikan persekitaran dan iklim Negeri yang kukuh; melindungi kesuburan tanah, dan tujuan pertanian umum; dan pencegahan kerosakan akibat banjir dan hakisan sungai dan juga tanah pertanian.
 - ii. Membekalkan secara berkekalan, sumber hutan untuk kepentingan ekonomi, perikanan, domestik dan industri yang berkaitan dengan perhutanan.
 - iii. Memelihara dan memulihara ekosistem laut untuk kepentingan ekonomi, perikanan, domestik dan industri yang berkaitan dengan perhutanan.
2. Pengurusan Kawasan Hutan Kekal (PFE) untuk kepentingan ekonomi, sosial dan persekitaran sesuai dengan prinsip Pengurusan Hutan Lestari (SFM).
3. Penekanan pada pengurusan kawasan hutan yang baik di dalam tanah negeri dan tanah bermilik.
4. Pengeluaran sumber hutan secara lestari untuk keperluan pasaran domestik dan eksport.

Anap Muput Forest Management Unit (FMU)
Kredit gambar: Ling Chea Yling (RDID)



1.3 OBJEKTIF DASAR PERHUTANAN NEGERI SARAWAK

1. Mengekalkan keluasan kawasan terlindung sepenuhnya (TPA), Hutan Simpan Kekal (PFE) dan litupan hutan sedia ada melalui tadbir urus dan perancangan yang baik serta efisien.
2. Menambah keluasan kawasan terlindung sepenuhnya (TPA) dan Hutan Simpan Kekal (PFE) di negeri ini.
3. Memelihara dan mengurus Hutan Simpan Kekal (PFE) selaras dengan prinsip-prinsip pengurusan hutan berkekalan serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosio-ekonomi negeri.
4. Memperkasakan perundangan dan penguatkuasaan undang-undang serta peraturan hutan bagi memastikan sumber hutan yang berkekalan dan terpelihara.
5. Memelihara dan memulihara kepelbagaian biologi bagi mencegah kepupusan dan kemerosotan spesis, kehilangan ekosistem dan sumber genetik.
6. Memperkasakan pengurusan sumber hutan melalui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersialan.
7. Meningkatkan program perhutanan masyarakat dan perhutanan bandar demi kepentingan eko-pelancongan, pembelajaran, latihan, pengembangan dan kesejahteraan masyarakat.
8. Memulihara kawasan hutan yang terosot melalui program penghutan semula dan rehabilitasi bagi meningkatkan kawasan yang dilitupi hutan dan mengandungi kepelbagaian jenis pokok.
9. Memperkasakan pembangunan industri berasaskan kayu bagi keperluan pasaran tempatan dan antarabangsa.
10. Meningkatkan keberkesanan pengurusan hutan melalui aplikasi teknologi terkini.
11. Mengukuhkan jalinan kerjasama di peringkat nasional dan antarabangsa dalam perkongsian maklumat, pengalaman dan pemindahan teknologi dalam bidang perhutanan.
12. Membangun dan memperkasa sumber manusia serta keperluan kewangan dalam pengurusan hutan berkekalan.

1.4 FUNGSI UTAMA JHS



PENGURUSAN DAN PEWARTAAAN KAWASAN HUTAN SIMPAN KEKAL UNTUK KEPENTINGAN EKONOMI, SOSIAL DAN ALAM SEKITAR SELARAS DENGAN PRINSIP PENGURUSAN HUTAN BERKEKALAN (SFM)



PENGUATKUASAAN FORESTS ORDINANCE 2015, FOREST RULES DAN LAIN-LAIN PERUNDANGAN YANG BERKAITAN



PENGURUSAN KUTIPAN HASIL HUTAN



RESTORASI LANDSKAP HUTAN DAN HUTAN INDUSTRI




PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN INOVASI DALAM BIDANG PERHUTANAN DAN INDUSTRI HUTAN



PENGGUNAAN TEKNOLOGI HUTAN DAN GEOSPATIAL

1.5 CARTA ORGANISASI JABATAN HUTAN SARAWAK



1.6 ANALISA KE ATAS DATA SALAH LAKU DI JABATAN HUTAN SARAWAK

Pengurusan tatatertib Jabatan Hutan Sarawak adalah berpandukan kepada kaedah-kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Sarawak, 1996, Perintah-perintah Am Negeri Sarawak, 1996 dan Surat-surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa.

Dalam Tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2015-2019, hanya terdapat tiga (3) kes yang melibatkan salah laku direkodkan di Jabatan Hutan Sarawak iaitu, kes melibatkan salah guna kuasa pada tahun 2017, kes terima rasuah pada tahun 2016 dan kes lain-lain yang berkaitan dengan salah laku pada tahun 2015.

Usaha pengukuhan integriti di kalangan warga kerja Jabatan dan tadbir urus bagi menutup ruang dan peluang amalan rasuah dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan tiada kes salah laku berlaku di jabatan.

1.7 FAKTOR-FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA RISIKO RASUAH



1.8 BIDANG BERISIKO



Pembalakan haram tumpas

JEAKQLEYN YACHO

KAPIT: Ketangkasan penguatkuasa Jabatan Hutan Sarawak (JHS) bersama Pasukan Gerakan Am (PGA) baru-baru ini berjaya mengagalkan aktiviti pembalakan haram di Kapit daripada terus berleluasa.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Hutan Sarawak (JHS), operasi tersebut berjaya menyita jentolak, jengkaut dan 46 batang kayu balak haram daripada pelbagai jenis.

"Operasi itu telah dijalankan di kawasan Sungai Sut, Kapit pada 3 Novem ber lepas sekitar jam 6.00 petang setelah mendapat aktiviti pembalakan yang dijalankan itu tiada lesen yang sah," katanya dalam kenyataan media di sini semalam.

JHS turut memaklumkan, anggaran rampasan itu bernilai RM10,000.



DIRAMPAS... Sebuah jentolak yang disita oleh JHS pada 3 Novem.



RAMPAS... Longgokan kayu yang disita oleh JHS.

Authorities seize logs worth RM75,000 in operation

JHS tahan pemandu jentera, rampas 140 batang kayu balak haram

KUCHING: Jabatan Hutan Sarawak (JHS) berjaya menahan seorang pemandu jentera dan merampas 140 batang kayu balak yang dianggarkan bernilai RM10,000 dalam satu operasi di Lari Sabra Baru.

Jurucakap Jabatan Hutan Sarawak berkata, operasi penguatkuasaan tersebut dijalankan oleh JHS bersama pasukan penguatkuasa lain.

Operasi tersebut dijalankan di kawasan berhampiran dengan kawasan hutan di Lari Sabra Baru, Kapit pada 3 Novem.

Operasi tersebut berjaya menyita jentolak, jengkaut dan 46 batang kayu balak haram daripada pelbagai jenis.

Operasi tersebut berjaya menyita jentolak, jengkaut dan 46 batang kayu balak haram daripada pelbagai jenis.

Forest Dept to beef up ops against illegal logging

Kuching Daily

KUCHING: The Forest Department will intensify its enforcement operations in combating illegal logging activities in Sarawak, assured Deputy Chief Minister Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan.

According to him, the overall situation is under control, but this does not mean that the department will stop its enforcement.



—Berita Harian

hope for the department to fully utilise this platform to

Balak RM1.09 juta dirampas

COLINNA RADANG
news@sarawaknews.com

KUCHING: Sehingga November lalu, sejumlah 18 826 meter padu kayu balak pelbagai spesies dan ukuran hasil pembalakan haram dengan nilai royalti berjumlah RM1.09 juta dirampas.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata, sebanyak 79 kes pembalakan haram turut disiasat di bawah Ordinan Pemutihan Sarawak.

Menurutnya, daripada jumlah itu, 40 kes adalah hasil operasi Jabatan Hutan Sarawak dan operasi antara agensi yang diselaraskan oleh Pasukan Gerakan Khas MUDENR, 22 kes daripada maklumat awam dan 17 kes diujuk oleh agensi penguat kuasa lain.

Sebanyak 13 kes telah dihimpunkan ke mahkamah. Kerajaan Sarawak menang empat kes dan selebihnya masih berjalan.

"Sejajar dengan strategi ini, Kerajaan Sarawak melalui Jabatan Hutan Sarawak telah menubuhkan Unit Pengesanan Uduh Sarawak (SADU) untuk meningkatkan lagi insaaf membendung pembalakan haram di seluruh negeri," katanya.

Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Kedua itu berkata demikian ketika mempengerusikan majlis mesyuarat Pasukan Petugas Negeri mengenai pembalakan haram pada Jumaat.

Sementara itu, Awang Tengah berkata, kerjasama semua agensi yang terlibat amat diperlukan untuk membanteras aktiviti pembalakan haram di negeri ini.

Katanya, kerjasama menyeluruh akan dapat meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kesan negatif aktiviti pembalakan haram.

"Kerajaan Sarawak akan terus komited memastikan tanah Sarawak diurus dan dilindungi dengan baik untuk generasi sekarang dan akan datang."

"Ini kerana sumber hutan dapat menguntungkan negara dan masyarakat dari aspek ekonomi, sosial serta menyediakan habitat yang lebih baik untuk flora dan fauna dan mitigasi perubahan iklim," katanya.

Penyusunan semula Perbadanan Hutan Sarawak (BFC) dan Jabatan Hutan Sarawak pada Januari lalu jelasnya, telah menunjukkan kejayaan dalam pengurusan dan pemuliharaan hutan serta hidupan liar di Sarawak.

Jelas beliau lagi, meskipun Jabatan Hutan diantuk untuk menjadi agensi utama dalam operasi di negeri ini, namun ia perlu dibantu oleh agensi lain termasuk agensi persekutuan seperti PDMM, ATM, SPRM dan agensi penguatkuasaan lain bagi mencapai objektif berkaitan kelestarian hutan di Sarawak.

"Kerjasama ini membolehkan Sarawak mengumpul tenaga kerja dengan pelbagai kemahiran, kecakapan, idea dan sumber termasuk aset dalam menjalankan pengoperasian secara berkesan di seluruh negeri," katanya lagi.



MESYUARAT... Awang Tengah hadir pada mesyuarat Pasukan Petugas Negeri mengenai pembalakan haram.

BAB 2 MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH JABATAN HUTAN SARAWAK


2.1 KEPERLUAN PELAN ANTIRASUAH DALAM KONTEKS KERANGKA JABATAN HUTAN SARAWAK

Bagi memastikan tahap kecekapan, kualiti perkhidmatan dan sistem penyampaian Jabatan Hutan Sarawak di tahap yang optimum, usaha menilai semula dan memperkukuhkan ordinan, peraturan dan SOP yang sedia ada perlu dilaksanakan. Bagi memastikan OACP-JHS 2021-2025 ini memberi manfaat dalam membudayakan integriti yang tinggi di kalangan kakitangan, usaha penambahbaikan akan dilakukan pada setiap masa mengikut keperluan dan kesesuaian dengan mengambil kira peranan dan sumbangan JHS dalam pembangunan Negeri Sarawak. Penghasilan OACP-JHS 2021-2025 ini adalah berdasarkan perbincangan yang diadakan bersama kakitangan Jabatan Hutan Sarawak. Pandangan dan idea mereka telah dikumpul dan direkodkan untuk menghasilkan OACP-JHS 2021-2025 ini. Dokumen ini akan menjadi garis panduan dalam penambahbaikan tadbir urus serta memantapkan lagi pembudayaan integriti dan anti rasuah di Bahagian, Unit dan Pejabat Hutan Wilayah masing-masing dalam Jabatan Hutan Sarawak.

2.2 GARIS PANDUAN ASAS 5AS

5A

Bagi memastikan pelaksanaan pelan OACP-JHS 2021-2025 berjalan dengan lancar dan memberi impak yang positif kepada organisasi, pendekatan 5As secara menyeluruh digunakan sepanjang proses. 5As terdiri daripada langkah-langkah Jangkaan (Anticipation), Advokasi (Advocacy), Persepakatan (Alliance), Tindakan (Action) dan Akreditasi (Accreditation).



2.3 KERANGKA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI JABATAN HUTAN SARAWAK



Secara umumnya kerangka ini menggariskan dua misi bagi meningkatkan budaya integriti dan membanteras gejala rasuah di Jabatan Hutan Sarawak. Agenda ini akan dicapai melalui amalan budaya kerja berteraskan amanah, telus dan berakauntabiliti serta menutup ruang dan peluang salah laku rasuah. 4 bidang Keutamaan telah digariskan dengan 7 Strategi, 24 Objektif Strategik dan 57 Inisiatif.

2.4 ANALISIS KUADRAN



Analisis Kuadran di bawah menggambarkan penilaian keutamaan bagi inisiatif- inisiatif yang dikenalpasti daripada analisa punca risiko rasuah yang ditemui semasa bengkel yang dijalankan selama dua hari. Inisiatif ini ditentukan berdasarkan analisa tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. Inisiatif yang dikenalpasti berada dalam kelompok Kuadran A – impak tinggi dan kompleksiti rendah – memerlukan sedikit usaha dalam pelaksanaannya sebaliknya mampu memberi kesan besar kepada transformasi tadbir urus negara.

Ringkasan inisiatif berkenaan adalah seperti berikut :

KUADRAN A	KUADRAN B	KUADRAN C	KUADRAN D
INISIATIF BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI RENDAH	INISIATIF BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI TINGGI	INISIATIF BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI RENDAH	INISIATIF BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI TINGGI


Kompleksiti : Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif

Impak : Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif

Penilaian ke atas kerangka OACP- JHS ini dapat dilihat melalui gambar rajah di bawah. Sebanyak 4 bidang keutamaan dan strategi digariskan untuk mencapai objektif pelan ini. 24 Objektif Strategi telah dikenalpasti bagi mendukung strategi sekaligus mencapai sasaran yang dimanifestasikan dalam bidang keutamaan pelan. Objektif strategi ini pula akan disandarkan kepada 57 inisiatif yang perlu dicapai dan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun (2021 – 2025).

NO STRATEGI

1. Memantapkan sistem, proses dan peraturan pengurusan hutan
2. Memantapkan SOP dan memperkasa pematuhan piawaian proses kerja di lapangan
3. Memperkasakan kebertanggungjawaban dan integriti warga Jabatan Hutan Sarawak
4. Pemerkasaan penguatkuasaan ordinan dan peraturan hutan
5. Meningkatkan ketelusan dan keberkesanan dalam pengurusan dan perolehan serta menutup ruang dan peluang rasuah
6. Memperkukuhkan pembangunan sumber manusia
7. Memperkukuhkan integriti sumber manusia



2.5 STRATEGI DAN INISIATIF

Setelah penilaian ke atas bidang keutamaan unit-unit di Jabatan Hutan Sarawak, sebanyak 57 inisiatif telah dikenalpasti dan telah dikelompokkan melalui kuadran berdasarkan impak dan kompleksiti. Rumusan kepada kuadran ini adalah seperti yang berikut:

Kuadran A: 45

Kuadran B: 10

Kuadran C: 0

Kuadran D: 2

PENGURUSAN HUTAN

NO	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1	Membuat penambahbaikan prosedur kutipan hasil (DF Circular 1/2014) dan mengambil tindakan terhadap kayu yang tiada PM di PoRM/CDM.	A	Memantapkan Sistem, Proses Dan Peraturan Pengurusan Hutan
2	Mengadakan jerayawara mengenai prosedur kutipan hasil di peringkat PHW dan pelesen.	A	Memantapkan Sistem, Proses Dan Peraturan Pengurusan Hutan
3	Menyemak dan menilai semula SOP <i>Pre-felling Block Inspection</i> dan <i>Post-Logging Block Inspection</i> .	B	Memantapkan Sistem, Proses Dan Peraturan Pengurusan Hutan
4	Mengadakan jerayawara mengenai prosedur <i>Pre-Felling Block Inspection</i> (Pre-F) dan <i>Post-Logging Block Inspection</i> (PLBI) di peringkat PHW / FOSCC dan pelesen.	A	Memantapkan Sistem, Proses Dan Peraturan Pengurusan Hutan
5	Pemeriksaan di lapangan untuk menentusahkan stok dirian kawasan berkenaan / inventori hutan.	A	Memantapkan Sistem, Proses Dan Peraturan Pengurusan Hutan

NO	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
6	Memastikan setiap FOSCC dibekalkan salinan dokumen (Salinan lesen/ peta lesen/ PEC) yang terkini dan lain-lain dokumen berkaitan.	A	Memantapkan Sistem, Proses Dan Peraturan Pengurusan Hutan
7	Menyemak dan menilai semula SOP proses kerja di FOSCC.	B	Memantapkan Sistem, Proses Dan Peraturan Pengurusan Hutan
8	Menyemak semula lokasi-lokasi FOSCC dan menempatkannya di tempat yang strategik (mengikut keperluan semasa) untuk menempatkan kakitangan yang menjalankan kerja-kerja di FOSCC termasuk pemantauan & pengesanan.	A	Memantapkan Sistem, Proses Dan Peraturan Pengurusan Hutan
9	Menyemak semula syarat perantikan syarikat panel pencetakan untuk Tag LPI.	A	Memantapkan SOP Dan Memperkasa Pematuhan Piawaian Proses Kerja Di Lapangan
10	Mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan tag LPI menggunakan teknologi terkini.	B	Memantapkan SOP Dan Memperkasa Pematuhan Piawaian Proses Kerja Di Lapangan
11	Membuat pemeriksaan berkala ke atas syarikat panel pencetakan tag LPI bagi memastikan peraturan pencetakan diikuti.	B	Memantapkan SOP Dan Memperkasa Pematuhan Piawaian Proses Kerja Di Lapangan
12	Mengeluarkan Circular berkenaan penyelenggaraan dan penentukuran (<i>calibration</i>) <i>Weight Bridge</i> .	A	Memantapkan SOP Dan Memperkasa Pematuhan Piawaian Proses Kerja Di Lapangan

NO	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
13	Menyemak dan menilai semula SOP pengeluaran RP.	B	Memantapkan SOP Dan Memperkasa Pemuatan Piawaian Proses Kerja Di Lapangan
14	Memastikan pegawai yang mengeluarkan RP mengikut prosidur yang telah ditetapkan mengikut jangka masa yang telah ditetapkan.	A	Memantapkan SOP Dan Memperkasa Pemuatan Piawaian Proses Kerja Di Lapangan
15	Menyemak dan memperkukuh SOP pendaftaran DPR dan memastikan tempoh pendaftaran DPR dipendekkan.	A	Memantapkan SOP Dan Memperkasa Pemuatan Piawaian Proses Kerja Di Lapangan
16	Menempatkan kakitangan di stesen timbangan Daiken Jln Bakun, Tatau, Samarakan dan Sg. Mas dan TPZ Kemena dan stesen timbangan lain-lain wilayah.	A	Memperkasakan Kebertanggungjawaban Dan Integriti Warga Jabatan Hutan Sarawak
17	Memastikan pegawai bertugas di stesen timbangan mematuhi General Order (GO) atau peraturan-peraturan jadual bertugas dari masa ke semasa.	A	Memperkasakan Kebertanggungjawaban Dan Integriti Warga Jabatan Hutan Sarawak
18	Penyelia (HoD / IIA) membuat pemantauan secara berkala dan mengejut ke stesen-stesen timbangan.	A	Memperkasakan Kebertanggungjawaban Dan Integriti Warga Jabatan Hutan Sarawak

PENGUATKUASAAN ORDINAN DAN PERATURAN HUTAN

NO	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
19	Melaksanakan program latihan dalaman / luaran berkaitan risikan, siasatan, pendakwaan, penyediaan kertas siasatan secara berterusan.	B	Pemeriksaan Penguatkuasaan Ordinan Dan Peraturan Hutan
20	Melaksanakan program-program kesedaran dan peningkatan tahap integriti di kalangan pegawai penguatkuasa.	B	Pemeriksaan Penguatkuasaan Ordinan Dan Peraturan Hutan
21	Menambah bekalan logistik dan peralatan.	B	Pemeriksaan Penguatkuasaan Ordinan Dan Peraturan Hutan
22	Menambahkan bilangan stesen pemeriksaan hutan di lokasi-lokasi strategik.	B	Pemeriksaan Penguatkuasaan Ordinan Dan Peraturan Hutan
23	Menaik taraf stesen pemeriksaan hutan yang sedia ada.	A	Pemeriksaan Penguatkuasaan Ordinan Dan Peraturan Hutan
24	Mewujudkan pusat khas penyimpanan barang rampasan (exhibits) yang penuh dengan ciri-ciri keselamatan.	A	Pemeriksaan Penguatkuasaan Ordinan Dan Peraturan Hutan
25	Mengkaji dan membuat penambahbaikan semula manual penyiasatan.	A	Pemeriksaan Penguatkuasaan Ordinan Dan Peraturan Hutan

NO	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
26	Meneruskan usaha untuk menubuhkan brigid khas agensi penguatkuasaan Jabatan.	D	Pemeriksaan Penguatkuasaan Ordinan Dan Peraturan Hutan
27	Melengkapkan brigid khas dengan pakaian seragam, senjata dan peralatan perlindungan.	D	Pemeriksaan Penguatkuasaan Ordinan Dan Peraturan Hutan
28	Memastikan respon aduan awam yang diterima dapat ditangani dengan lebih cekap dan berkesan dengan menggunakan teknologi terkini (media sosial).	A	Pemeriksaan Penguatkuasaan Ordinan Dan Peraturan Hutan
29	Menggunakan teknologi terkini dalam verifikasi lapangan dan proses pemantauan kesalahan hutan (drone/aircraft/satellite imagery).	A	Pemeriksaan Penguatkuasaan Ordinan Dan Peraturan Hutan
30	Mewujudkan semula jawatankuasa penilaian harga bagi kayu balak rampasan.	B	Pemeriksaan Penguatkuasaan Ordinan Dan Peraturan Hutan
31	Memastikan Tatacara Pelupusan Kayu Rampasan melalui authorized agent Vol. 1.0 yang diluluskan oleh JKPOP pada 18 Jun 2020 dilaksanakan secara menyeluruh.	A	Pemeriksaan Penguatkuasaan Ordinan Dan Peraturan Hutan

KEWANGAN & PEROLEHAN

NO	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
32	Mengedarkan pekeliling berkenaan proses pelawaan sebut harga yang betul kepada pegawai berkenaan (Program Owner).	A	Meningkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Di Dalam Pengurusan Kewangan Dan Perolehan
33	Memastikan Program owner mengikut prosedur dan Arahan Perbendaharaan dalam melaksanakan pembelian terus.	A	Meningkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Di Dalam Pengurusan Kewangan Dan Perolehan
34	Melaksanakan Pekeliling Setiausaha Negeri Bil. 05/2020: Integrity Pact sekali setahun bagi perolehan tidak melebihi RM20,000.	A	Meningkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Di Dalam Pengurusan Kewangan Dan Perolehan
35	Menghadkan jumlah pembelian bagi setiap pembekal/tahun /aktiviti.	A	Meningkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Di Dalam Pengurusan Kewangan Dan Perolehan
36	Mewujudkan Jawatankuasa untuk menilai performance Pembekal jabatan.	A	Meningkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Di Dalam Pengurusan Kewangan Dan Perolehan
37	Melaksanakan Pekeliling Setiausaha Negeri Bil. 05/2020: Integrity Pact bagi setiap perolehan yang dibuat secara berterusan (O.S. 1.2).	A	Meningkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Di Dalam Pengurusan Kewangan Dan Perolehan

NO	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
38	Pemilik program mesti menyediakan perancangan perolehan tahunan sebelum tahun berikutnya selaras dengan prinsip amalan tadbir urus yang baik.	A	Meningkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Di Dalam Pengurusan Kewangan Dan Perolehan
39	Menilai semula proses dan prosidur yang digunakan Ahli Jawatankuasa Sebutharga/Tender.	A	Meningkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Di Dalam Pengurusan Kewangan Dan Perolehan
40	Ahli Jawatankuasa Sebutharga/Tender menolak permohonan yang tidak memenuhi syarat.	A	Meningkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Di Dalam Pengurusan Kewangan Dan Perolehan
41	Melaksanakan Pekeliling Setiausaha Negeri Bil. 05/2020: Integrity Pact bagi setiap perolehan yang dibuat secara berterusan (O.S. 1.4 & O.S. 1.5).	A	Meningkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Di Dalam Pengurusan Kewangan Dan Perolehan

SUMBER MANUSIA

NO	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
42	Menghadkan akses kepada dokumen dan fail-fail sulit/rahsia sepanjang masa.	A	Memperkukuhkan Pembangunan Sumber Manusia
43	Memberi latihan kepada pegawai yang mengendalikan fail terperingkat.	A	Memperkukuhkan Pembangunan Sumber Manusia
44	Menghadkan kemasukan pelawat ke dalam bangunan pejabat sepanjang masa.	A	Memperkukuhkan Pembangunan Sumber Manusia
